



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kemaskini pada 3.2.24
jam 4.15pm

TEKS UCAPAN PELANCARAN

**YB DATO' HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**SEMPENA
PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK:
KASIH KANAK-KANAK PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2024**

**PADA
6 FEBRUARI 2024 (SELASA) JAM 7.45 PAGI**

**BERTEMPAT DI
SEKOLAH KEBANGSAAN LESONG BATU, ALOR GAJAH, MELAKA**

SALUTASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBrs. Puan Farah Adura Hamidi
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM

YBrs. Tuan Norazman bin Othman
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

YBrs. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Ahmad
Pengarah Pendidikan Negeri Melaka

Guru Besar dan Guru-guru Sekolah Kebangsaan Lesong Batu, Alor Gajah, Melaka

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengerusi dan AJK Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK)

Pengerusi dan AJK Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG)

Para pelajar yang dikasihi; dan

YBhg. Dato' / Dr./ Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati

1. Alhamdulillah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana di bawah rahmat dan inayahNYA, kita masih diberi kesempatan untuk hadir dan berkumpul dalam **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-kanak peringkat Negeri Melaka 2024** pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia, baik di ibu pejabat mahupun di Negeri Melaka, kerana telah bekerjasama dengan hebat dalam mengadakan pelancaran Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak, iaitu KASIH Kanak-Kanak Peringkat Negeri Melaka hari ini.
3. Pagi ini, kita datang ke sini dengan satu misi, iaitu untuk mengerakkan setiap anggota masyarakat termasuk warga ibu bapa, PIBG, guru-guru, komuniti setempat termasuklah anak-anak pelajar SK Lesong Batu yang berada di hadapan saya ini.

4. Untuk pengetahuan para hadirin dan anak-anak sekalian, program ini telah diadakan juga di beberapa sekolah di Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Tahun ini, kita berhasrat untuk menjalankan program ini ke 300 sekolah di seluruh Malaysia.
5. Kami ingin memastikan semua orang terutamanya anak-anak di sini sentiasa sihat, aman dan bahagia. Kami ingin pastikan hak-hak anda sebagai kanak-kanak sentiasa dilindungi supaya dapat menjadi pemimpin-pemimpin yang hebat pada masa hadapan.
6. Masyarakat setempat memainkan peranan yang amat penting dalam perlindungan kanak-kanak. Adalah penting untuk kita tahu apa tindakan yang perlu diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian. Semua pihak, sebagai individu ataupun secara komuniti, perlu bersama-sama cakna terhadap hak kanak-kanak.
7. Pertama sekali, sekiranya berlaku apa-apa yang mencurigakan, sekiranya mereka

didera oleh ibu bapa atau ahli keluarga di dalam rumah, dapatkan pertolongan segera dengan menghubungi talian kasih 15999 atau melalui whatsapp 019-2615999 atau dapatkan pertolongan daripada jiran.

8. Kedua, janganlah sekadar membuat video di media sosial sahaja untuk dijadikan “content” – laporkan kes tersebut kepada pihak kami – ingat, Talian Kasih 15999.

Hak Kanak-Kanak

9. Tahukah anda yang setiap anak di Malaysia berhak untuk dilindungi dan hidup dengan aman? Kita juga mempunyai undang-undang khusus di Malaysia yang menjaga hak kanak-kanak. Ada **empat hak utama** yang penting:
 - a. hak untuk hidup,
 - b. perlindungan,
 - c. perkembangan,
 - d. penyertaan.

10. Oleh itu, sekiranya mana-mana empat hak ini tidak diberikan atau dijaga, adik-adik semua sebagai kanak-kanak, mempunyai hak untuk menyuarakan dan meminta bantuan daripada orang dewasa, seperti cikgu atau ibu bapa. Kalau ada yang perlu bantuan, kalau anak-anak rasa tak pasti, kalau anak-anak rasa tak berani, jangan malu dan jangan takut nak minta tolong. **Boleh call nombor 15999 (Satu – Lima – Sembilan – Sembilan – Sembilan)**. Boleh ulang tak bersama saya? 15999. Bagus, terima kasih.

11. Ingat, kita semua ada hak untuk dilindungi. Jaga diri dan kawan-kawan kita! Kalau ada kawan yang susah atau tidak selamat, cepat-cepat beritahu orang dewasa yang boleh membantu. Kita semua harus tolong jaga kawan-kawan kita.

PENGHARGAAN

12. Saya bagi pihak KPWKM amat berharap dengan penyertaan puan-puan dan tuan-tuan serta semua anak-anak pada pagi ini dapat meningkatkan kefahaman dan kita semua lebih peka dan cakna akan isu kanak-kanak. Besar harapan KPWKM juga agar kita bersama-sama mencari solusi yang tepat dalam membantu mengatasi permasalahan sosial berkaitan kanak-kanak, sentiasa peka dan relevan dalam menjalankan tanggungjawab menjaga keselamatan dan melindungi kanak-kanak seterusnya dapat mengekang peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak pada masa hadapan.

PENUTUP

13. Saya amat berterima kasih di atas jasa dan pengorbanan tuan/puan sebagai guru dan juga ahli masyarakat yang sentiasa bertanggungjawab dan amanah dalam tugas masing-masing dan ditambah lagi dengan kepekaan semua dalam isu-isu kanak-kanak.
14. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan

tahniah kepada pihak penganjur. Semoga pertemuan kita pada pagi ini akan memberi suntikan semangat kepada anda semua untuk terus meningkatkan kefungsian dan peranan kita sebagai ahli masyarakat bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak akan terus diberi keutamaan. Saya juga berharap advokasi ini diteruskan di seluruh sekolah di Negeri Melaka dengan satu harapan, kita berjaya mengurangkan kes berkaitan Kanak-Kanak di Negeri Melaka.

15. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada mereka yang berbangsa tionghua, Gong Xi Fa Cai. Semoga Tahun Naga ini memberikan kekuatan, keberanian, dan memberikan nasib yang baik dalam tahun baharu dengan harapan dan keyakinan.

Lompat si katak lompat,
Lompat dalam perigi,
Semoga semua selamat,
Kita berjumpa lagi.

16. Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan **Program**

Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: K.A.S.I.H Kanak-Kanak Peringkat Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih.

YB Dato Sri Hajah Nancy Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

6 Februari 2024